

08 MAR 1997

BANK KILLINGHALL DI AFRIKA SELATAN MULA OPERASI APRIL

KUALA LUMPUR, 8 Mac (Bernama) -- Bank usaha sama Killinghall (Malaysia) Bhd di Afrika Selatan, Southern Bank of Africa, akan mula beroperasi pada April, 1997 dengan cawangan pertamanya di Johannesburg, demikian diumumkan hari ini.

Bank itu telah dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Presiden Afrika Selatan Nelson Mandela yang sedang dalam lawatannya ke Malaysia, di sini hari ini. Ini dinyatakan oleh Killinghall dan rakan kongsinya, the National Empowerment Trust Investment Fund Pty Ltd (NETIF) dari South Africa, dalam satu kenyataan bersama.

Bank tersebut diberi lesen untuk beroperasi di Afrika Selatan dengan modal permulaan sebanyak Rand 100 juta (kira-kira RM60 juta) yang dipegang sama rata oleh Killinghall dan NETIF.

Bank tersebut akan menyediakan pelbagai perkhidmatan kewangan, menjadi perantara dalam pasaran-pasaran tengah, dengan perbankan pelaburan, kewangan perdagangan dan kewangan berstruktur sebagai tumpuan utamanya.

Menurut kenyataan itu, satu lagi aspek utama perniagaan bank itu ialah membantu dan memudahkan aliran dan pembiayaan pelaburan Malaysia, Asean dan Asia, sama ada langsung atau tidak langsung, di Afrika Selatan.

Bank tersebut juga akan mengambil bahagian dan memainkan peranan pemangkin dalam program perumahan harga termampu di bawah naungan kerajaan Afrika Selatan.

-- BERNAMA

JR KY MA